

Kebebasan bersuara bukan alasan sebar pembohongan

Elak salah guna hak hingga jejas keharmonian, ketenteraman awam, negara

Oleh Zanariah Abd Mutalib dan Omar Ahmad
bhnews@bharian.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia memberi kebebasan bersuara untuk rakyatnya seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, namun hak itu perlu dipraktikkan dengan penuh tanggungjawab dan tetap dibatasi undang-undang.

Kebebasan yang diberikan bukan 'lampu hijau' untuk mana-mana rakyat menyebarkan pembohongan, fitnah dan berita palsu, yang akhirnya menimbulkan porak-peranda kepada keharmonian rakyat dan negara.

Presiden Persatuan Pengguna Subang dan Shah Alam (CASSA), Datuk Seri Dr Jacob George, berkata seperti mana orang yang menyebarkan fitnah dan berita palsu mendakwa mereka mempunyai hak, orang yang difitnah juga

mempunyai hak dari segi undang-undang.

"Kebebasan bersuara kita bukan komprehensif sampai tiada batasan. Jika kebebasan itu menjejaskan keharmonian dan ketenteraman awam di negara kita yang berbilang kaum serta agama, itu sudah menjadi kesalahan," katanya kepada BH, di sini, semalam.

Jacob yang juga seorang peguam, berkata terdapat dua golongan yang menyebarkan berita palsu iaitu mereka yang mempunyai niat buruk, contohnya mempunyai agenda politik atau mahu menjatuhkan orang lain serta yang tiada niat, contohnya menyebarkannya selepas terkejut mendapat sesuatu berita.

"Justeru, dalam hal ini, niat seseorang itu perlu dilihat dari segi perundangan. Kenapa dia menyebarkan berita itu? Jika ada dua komponen iaitu niat dan perbuatan, maka jenayah itu wujud.

"Selain itu, jika seseorang individu mendakwa dia adalah mangsa penyebaran berita palsu, dia perlu mengemukakan bukti dan memberi kerjasama kepada pihak berkuasa kerana beban itu adalah ke atas dirinya untuk membuktikan sama ada dia benar-benar mangsa atau sebenarnya adalah ejen provokasi.

"Jika dia mangsa, kita akan lihat bagaimana dia boleh dibantu dari segi undang-undang," katanya.

Beliau berkata, dengan kewujudan media sosial, ramai yang terdorong untuk menyebarkan sesuatu berita tanpa memeriksa kesahihannya terlebih dahulu.

"Jika kita profesional dan berfikir secara wajar, kita akan memeriksa dahulu berita itu. Namun, ada yang mengamalkan *impulse sending* tanpa memikirkan kesannya," katanya.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Shahrul Nazmi Sannusi, turut berpendapat kebebasan bersuara yang disalah guna untuk berbohong hanya akan menyebabkan kekeliruan dan menimbulkan persepsi buruk dalam masyarakat.

"Ada yang menggunakan berita palsu untuk menaikkan populariti sendiri, memfitnah orang atau memasarkan produk mereka. Kewujudan media sosial menggalakkan lagi fenomena ini, sesiapa saja boleh menyebarkan berita yang belum tentu benar dan memberi pandangan, yang akhirnya mewujudkan ketegangan dalam masyarakat.

"Apabila sesuatu berita diambil



Sepatutnya dalam keadaan politik yang tidak menentu dan negara berbilang kaum, kita perlu menyebarkan perkara yang positif dan membina bangsa serta memperkasa hubungan antara rakyat.

Jacob George,
Presiden Persatuan Pengguna Subang dan Shah Alam

daripada saluran yang tidak diketahui kesahihan sumbernya, ia akhirnya hanya akan menimbulkan kekeliruan dan ketakutan," katanya.

Beliau berkata, penyebaran berita palsu di internet adalah salah mengikut Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998 yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM50,000 atau penjara setahun.

Justeru, katanya, bagi memastikan amalan itu tidak terus menular, tahap literasi media dalam kalangan masyarakat



Kebebasan bersuara sudah termaktub dalam Perlembagaan tapi takrifannya itu adalah atas individu itu sendiri. Orang yang memfitnah dan berbohong ini mungkin ada agenda tersendiri.

Shahrul Nazmi Sannusi
Pensyarah Kanan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

perlu ditingkatkan.

"Apabila mendapat sesuatu berita, kita begitu mudah untuk berkongsi dengan orang lain walaupun sumbernya tidak dapat dipastikan. Ini semua sebenarnya bergantung kepada tahap literasi seseorang.

"Jika tahap literasi tinggi, mereka pasti akan berfikir dengan lebih kritikal dan bertanggungjawab dengan kenyataan yang dibuat. Jika kita dapat tingkatkan kesedaran ini, saya percaya masalah ini dapat dikurangkan," katanya.